

12 APR 1999

Mahathir-pulang

MAHATHIR DIBENAR PULANG SELEPAS MENJALANI RAWATAN DI IJN

KUALA LUMPUR, April 12 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibenarkan pulang dari Institut Jantung Negara (IJN) petang ini setelah menjalani rawatan 11 hari kerana infeksi paru-paru.

Bagaimanapun, para doktor yang merawatinya di IJN menasihati beliau supaya terus berehat di kediamannya sebelum bertugas semula.

Dr. Mahathir juga dinasihati tidak dikunjungi pelawat supaya dapat berehat sepenuhnya.

Perdana Menteri yang dimasukkan ke IJN pada 2 April sekembalinya dari mengerjakan ibadah Haji meninggalkan hospital tersebut pada pukul 4 petang.

Sejurus sebelum dibenarkan pulang, Dr. Mahathir dikunjungi oleh Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman di ruang tetamu bersebelahan kamar beliau.

Dr. Mahathir yang kelihatan ceria disertai oleh isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dalam pertemuan kira-kira setengah jam dengan Tuanku Jaafar.

Dalam termubual ringkas dengan Bernama dan RTM, Dr. Mahathir sebelum meninggalkan IJN, berkata beliau berasa lega, bagaimanapun beliau perlu berehat sepenuhnya di rumah supaya cepat sembuh.

"Saya tidak dibenarkan menerima pelawat hingga pulih betul-betul," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata beliau tidak demam selama tiga hari lalu dan kini sedang menjalani rawatan fisioterapi dan dijangka dapat bertugas semula tidak berapa lama lagi.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para doktor dan kakitangan IJN yang telah memberi rawatan yang jitu," katanya.

Beliau berkata para doktor dan kakitangan itu telah berjaya mengatasi infeksi virus yang berat.

Dr. Mahathir juga menyatakan kesyukuran dan berterima kasih kepada semua pihak di dalam dan luar negara yang telah mengirim perutusan mendoakan supaya beliau cepat sembuh.

Sebelum meninggalkan IJN, Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah bersalam-salaman dengan para doktor dan kakitangan yang merawatinya selama 11 hari di institut tersebut.

Beliau juga bersalam-salaman dengan para pesakit dan keluarga yang keluar dari wad mereka dan berbaris di ruang legar tingkat lima untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Beliau turut bersalam-salaman dengan orang ramai yang berada di ruang legar tingkat bawah yang mengerumuninya semasa berjalan menuju ke keretanya.

Sementara itu lawatan Dr. Mahathir ke negeri-negeri yang dijadualkan pada bulan April terpaksa ditangguhkan dengan penundaan lawatan seperti ke Pulau Pinang, Johor dan Sabah baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri, penangguhan lawatan tersebut melibatkan penjadualan semula lawatan ke negeri-negeri lain.

--BERNAMA

ZS WAT